

17 MAY 1997

Cyberjaya

PM LAKU PECAH TANAH BANDARAYA CYBERJAYA

SEPANG, 17 Mei (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tiba di sini hari ini bagi melakukan upacara pecah tanah pembangunan Cyberjaya, nukleus Koridor Raya Multimedia (MSC) yang terletak di kawasan seluas 2,800 hektar.

Sebaik Perdana Menteri memasukkan "kad pintar" pada tempatnya, sebuah mesin berbentuk "moonraker" akan melakukan kerja-kerja pecah tanah tapak projek pembangunan Cyberjaya yang menjadi sebahagian daripada MSC, sebuah kawasan seluas 15km x 50km di selatan Kuala Lumpur.

Hadir sama ialah Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim dan para menteri Kabinet.

Upacara pecah tanah menandakan bermulanya pembangunan bandaraya pintar yang paling unggul di dunia itu berbanding Lembah Silikon di California, Amerika Syarikat dan bandaraya-bandaraya seumpamanya.

Cyberjaya, yang akan dibangunkan dengan konsep mesra alam, terletak lima km ke utara Dengkil menuju ke Puchong.

Bandaraya pintar itu merupakan jiran Putrajaya, pusat pentadbiran baru kerajaan di kawasan seluas 7,000 hektar, tetapi dipisahkan oleh sebuah lebuh raya yang akan dikenali sebagai Laluan 2020.

"Kad pintar" yang sama juga akan digunakan Perdana Menteri untuk memberi isyarat kepada beberapa jentera penolak tanah memulakan kerja-kerja merata tanah enam syarikat yang menjadi perintis kepada usaha Malaysia merealisasikan projek MSC.

Syarikat-syarikat itu ialah Nippon Telegraph and Telephone (NTT), Telekom Malaysia, Sistem Televisyen Malaysia Berhad (TV3), Universiti Multimedia, Golden Hope Plantation dan Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDC), agensi yang bertanggungjawab mengawasi pembangunan MSC.

Dr Mahathir akan turut mengetuai upacara menanam pokok bagi menambahkan kehijauan Bandaraya Cyberjaya yang dibangunkan di sebuah kawasan bekas ladang.

Sebahagian besar tanah yang terlibat merupakan milik kerajaan, Golden Hope, Yayasan Selangor, Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor, RISDA dan Rancangan Tanah Belia. Hanya sedikit melibatkan tanah milik swasta dan persendirian yang dibayar pampasan mengikut penilaian.

Pada majlis itu juga, 34 belon udara panas diikat pada lokasi-lokasi yang sudah ditetapkan sebagai penanda tapak 34 syarikat yang telah pun komited untuk mengambil bahagian dalam MSC.

-- Bernama

TM OBA